

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian akan memberi subsidi pemasangan Sistem Pengenalan Automatik (AIS) untuk semua kapal penangkapan ikan yang berlesen di Sabah dalam meningkatkan keselamatan operasi industri perikanan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pemasangan Sistem Pengenalan Automatik (AIS) di atas vesel penangkapan ikan merupakan salah satu inisiatif Kementerian bagi memantau pergerakan vesel bertujuan untuk:

- Mengelakkan pencerobohan vesel pukat tunda di zon A;
- Melaksanakan pemantauan, pengawalan dan pengawasan (MCS) secara berkesan;
- Mengenalpasti vesel penangkapan ikan yang aktif;
- Mencegah *transshipment* membabitkan penjualan minyak bersubsidi dan ikan di tengah laut; dan
- Menjaga keselamatan nelayan serta memberi amaran bantuan kepada vesel yang mengalami situasi kecemasan.

2. Pada tahun 2015, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi pemasangan AIS secara percuma ke atas 2,630 vesel pukat tunda, pukat jerut dan kenka dua bot di zon B sahaja. Pelaksanaan pemasangan alat AIS tidak melibatkan negeri Sabah kerana Jabatan Perikanan Sabah (DOF Sabah) pada waktu itu sedang melaksanakan integrasi sistem *Vessel Monitoring System* (VMS). Selain itu, negeri Sabah juga menggunakan kaedah pengezonan kawasan penangkapan ikan yang berbeza dengan Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

3. Kementerian ini menyokong dan menggalakkan Kerajaan Negeri Sabah untuk melaksanakan pemasangan AIS ke atas vesel penangkapan ikan di Sabah. Peruntukan bagi pemasangan AIS ini akan dipohon di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 sekiranya ada keperluan daripada DOF Sabah bagi tujuan tersebut.

Sekian, terima kasih.